

Polisi HSSE

PLUS komited untuk:



Ahli Kumpulan UEM

Mencapai matlamat tiada kemudaratan kepada individu dan alam sekitar termasuk: kakitangan, rakan niaga, pelanggan dan pihak berkepentingan bagi mencegah kecederaan sewaktu bekerja, penyakit pekerjaan, insiden berkaitan sekuriti dan pencemaran alam sekitar;

Memelihara kelestarian alam sekitar melalui pencegahan kesan buruk terhadap persekitaran semula jadi dan pencemaran yang berkaitan, melindungi alam sekitar daripada kemerosotan dan kemudaratan yang timbul daripada aktiviti perniagaan syarikat, penyelenggaraan dan perkhidmatan termasuk penggunaan bahan mesra alam dan tenaga boleh diperbaharui;

Mematuhi keperluan perundangan dan piawaian HSSE yang berkaitan;

Mempertingkatkan Sistem Pengurusan HSSE ke arah penambahbaikan secara berterusan;

Membangunkan kecekapan HSSE di kalangan kakitangan, rakan niaga dan pihak yang berkaitan;

Berkongsi maklumat, kepakaran dan prestasi HSSE secara terbuka sebagai sumbangan syarikat terhadap komuniti;

Menerajui peranan bagi menggalakkan amalan terbaik HSSE dalam industri lebuh raya;

Menjiwai HSSE dalam semua aktiviti perniagaan syarikat; dan

Membina budaya HSSE yang lestari di mana semua kakitangan berkongsi pemikiran dan perilaku HSSE yang standard.

POLISI HSSE

Adalah polisi PLUS untuk:

Melaksanakan pendekatan bersistematik terhadap Sistem Pengurusan HSSE untuk memastikan kepatuhan terhadap undang-undang, peraturan dan keperluan yang berkaitan;

Menghapuskan hazard impak kepada alam sekitar dan mengurangkan risikonya;

Menetapkan sasaran HSSE yang tinggi untuk syarikat ke arah peningkatan prestasi berterusan;

Memastikan rakan perniagaan yang berkaitan menguruskan HSSE selaras dengan polisi ini;

Melibatkan komuniti di sepanjang jajaran lebuh raya PLUS dan membuat perundingan berkaitan isu HSSE dengan pihak berkepentingan;

Menghubungkan pencapaian HSSE dalam penilaian prestasi setiap kakitangan dan memberikan ganjaran sewajarnya; dan

Menggalakkan perundingan dan penyertaan pihak yang berkaitan di semua peringkat.

Kakitangan, rakan niaga dan pihak yang berkaitan perlu bertanggungjawab untuk memastikan kesihatan, keselamatan, sekuriti dan kelestarian alam sekitar mereka terjamin, manakala PLUS akan terus meningkatkan Sistem Pengurusan HSSE dan amalan terbaiknya agar selaras dengan Aspirasi PLUS dan Polisi Kelestarian dalam aktiviti operasi, penyelenggaraan, perkhidmatan dan perniagaan yang berkaitan.

Datuk Nik Airina Binti Nik Jaffar

Pengarah Urusan

6 Oktober 2023

